

# Pekerja swasta penagih ke-2 tertinggi

**PETALING JAYA:** Sebanyak 68,228 penagih dadah adalah penganggur sekali gus menjadikan golongan tersebut paling ramai terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang itu bagi tempoh dua tahun ini.

Pekerja swasta merupakan penagih kedua paling ramai iaitu 29,246 orang pada 2020 dan meningkat kepada 31,670 penagih pada 2021.

Mengikut rekod Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK), dalam tempoh tersebut, sebanyak 251,464 penagih dadah di negara ini membabitkan 128,325 orang pada 2020 manakala 123,139 lagi untuk tahun lalu.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah AADK, Sutekno Ahmad Belon berkata, sebanyak 37,664 penagih daripada mereka yang menganggur pada tahun 2020 dan selebihnya untuk 2021 iaitu 30,564 orang.

Katanya, walaupun jumlah

itu menunjukkan penurunan seramai 7,100 orang, namun golongan itu adalah paling ramai bagi tempoh dua tahun ini.

“Selain penganggur, pekerja swasta merupakan penagih kedua paling ramai iaitu 29,246 orang (2020) dan meningkat kepada 31,670 penagih pada 2021.

“Mereka ini tergolong daripada individu yang bekerja dalam sektor perkhidmatan, pengurusan, teknikal, pengangkutan, binaan dan lain-lain lagi,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Sutekno berkata, mereka yang dalam kategori tiada pekerjaan meningkat secara mendadak daripada 993 orang pada 2020 kepada 12,788 bagi tahun lalu.

Ujarnya, peningkatan penyalahgunaan dadah dikesan terhadap individu yang bekerja dalam sektor buruh iaitu daripada 14,176 orang kepada 18,127 orang pada 2021.